



MAIS perkenal kalkulator fidyah puasa

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam: Masyarakat Islam di Selangor kini boleh membuat pengiraan bayaran ganti puasa dengan mudah susulan pengenalan Kalkulator Fidyah Puasa oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, kadar kutipan fidyah juga dijangka meningkat dengan pelaksanaan platform baharu itu.

Katanya, kalkulator fidyah puasa adalah platform digital yang dibangunkan oleh MAIS bagi memudahkan masyarakat Islam untuk membuat pengiraan kadar fidyah sebelum membuat bayaran.

"Kalkulator ini mempunyai tiga kadar bayaran iaitu RM2, RM4 dan RM6 serta mempunyai kaedah bayaran berganda dan tidak berganda.

"Masyarakat Islam yang ingin menggunakan platform terbabit boleh melayari laman web MAIS di www.mais.gov.my.

"Tahun ini, MAIS mensasarkan kutipan fidyah sebanyak RM20 juta dan dengan pengenalan platform baharu ini, kita harapkan kutipan meningkat dan sasaran dapat dicapai," katanya pada Majlis Hi-Tea bersama rakan media dan Pelancaran Kalkulator Fidyah Puasa di sini hari ini.

Fidyah adalah sesuatu yang dibayar untuk menebus diri, baik berbentuk harta atau tindakan lain yang dilakukan kerana kekurangan dalam salah satu amal ibadah.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, kalkulator berkenaan diharapkan dapat memberi kemudahan baharu kepada masyarakat Islam dalam membuat pengiraan dengan pantas dan tepat bagi bayaran fidyah yang dikenakan atas sebab tertentu.

Dalam pada itu, MAIS akan melaksanakan Kempen Bulan Kesedaran Fidyah Negeri Selangor yang diadakan mulai esok hingga 22 Mac depan.

"Kempen ini bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat Islam untuk melunaskan hutang fidyah di samping menggalakkan masyarakat Islam menggantikan puasa lebih awal sebelum bertemunya bulan Ramadan akan datang," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai insiden salah guna logo agensi itu bagi projek pembekalan bantuan bakul makanan yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat, Abdul Aziz berkata, laporan polis sudah dibuat oleh MAIS pada Jumaat lalu.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya masih menunggu laporan siasatan yang dijalankan oleh pihak polis.

"Kita masih menunggu siasatan daripada polis termasuk mengesan syarikat yang menyalah guna logo MAIS. Tindakan akan diambil selepas itu," katanya.

Terdahulu, MAIS menafikan pihaknya terbabit dalam projek pembekalan bantuan bakul makanan yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat.

Menerusi satu kenyataan pada Jumaat lalu, Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar, berkata pihaknya menerima aduan daripada sebuah syarikat swasta yang melaporkan menerima pesanan pembelian dan invois menggunakan kepala surat rasmi berlogo MAIS bagi mendapatkan dana projek pembekalan bantuan bakul makanan.

Disiarkan pada: Februari 21, 2023 @ 7:42pm